

Oleh Nas Norziela  
Nasbah  
nashorziela@  
bharian.com.my

Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta sabun mandian aromaterapi berdasarkan herba sepenuhnya.

Produk penjagaan kulit itu dihasilkan sebagai alternatif kepada produk mengubati ekzema berasaskan bahan kimia.

Sabun mandian daripada penyelidikan oleh Prof Madya Dr Faridah Qamaruz Zaman itu sudah dikomersial oleh Ethlingera Sdn Bhd.

Pengarah Eksekutif syarikat itu, Suhaimi Samsudin, berkata ada sesetengah produk jagaan kulit terutama untuk ekzema mengandungi bahan kimia yang tidak sesuai untuk kulit sensitif dan mengakibatkan alahan.

#### Banyak aroma

“Produk ini menggunakan tumbuh-tumbuhan seratus peratus sebagai bahan kandungan utama dan kami menawarkan hampir 20 aroma mengikut pilihan pengguna.

“Produk ini halal dan dijual pada harga RM19.90.

“Sabun mandian aromaterapi ini dicipta khas untuk membantu penghidap masalah kulit seperti ekzema,” katanya ketika ditemui di Serdang, baru-baru ini.



# Institut Biosains hasilkan sabun herba

Ekzema adalah penyakit kulit yang menyebabkan radang, gatal, kering, mengelupas, kemerahan dan bersisik.

Penyakit itu ada kaitan dengan tindak balas hipersensitif pada bahagian kulit.

#### Anti-bakteria

Suhaimi berkata, kebanyakan penghidap penyakit ekzema akan cuba mendapatkan ubat

sapu krim atau pengambilan ubat.

Katanya, sabun keluaran syarikatnya menawarkan pendekatan lain dan sesuai untuk semua jenis kulit.

“Sabun ini melindungi semua jenis kulit termasuk kulit sensitif dan kering kerana mempunyai bahan perlindungan anti-bakteria,” katanya.

Suhaimi berkata, produk

itu dihasilkan daripada ekstrak herba untuk kesan aromaterapi yang baik.

Katanya, antaranya ekstrak dihasilkan daripada lempoyang, serai, nilam, lengkuas padi, kantan dan selasih.

“Aroma yang menarik daripada abstrak herba ini mengukuhkan lagi keberkesanan sabun anti bakteria ini untuk menjaga kulit daripada jangkitan.



“Produk sabun ini turut mengandungi antioksidan semula jadi dan boleh digunakan sebagai sabun harian biasa,” katanya.

#### Keluarga angkat

Suhaimi berkata, syarikatnya juga melantik pengusaha dari

pada Orang Asli di Puchong, Selangor untuk menanam dan membekal herba bagi menghasilkan sabun mandian aromaterapi itu.

Katanya, keluarga Orang Asli itu juga menjadi keluarga angkat Institut Biosains UPM.